

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF  
RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH : 18.5.2016  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan senarai kesemua latihan ketenteraan bersama negara-negara asing yang disertai Malaysia sepanjang 15 tahun sebelum ini dan belanja keseluruhan yang Kerajaan Malaysia keluarkan dalam latihan ketenteraan "Thunder Of The North" yang bermula pada 16 Februari hingga 4 Mac itu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah latihan ketenteraan yang melibatkan trup dan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama tentera negara luar bagi tempoh 15 tahun yang lepas adalah sebanyak 472 eksesais/latihan yang dilaksanakan di dalam dan di luar negara.**

**Dalam latihan ketenteraan *Thunder Of The North* keseluruhan kos dalam aspek logistik ditanggung oleh Kerajaan Arab Saudi. Kerajaan Malaysia hanya menanggung kos sebanyak RM 25,659 sahaja bagi membiayai 2 orang pegawai ATM yang ditugaskan sebagai pemerhati ke atas keseluruhan latihan/eksesais berkenaan.**